

BORANG 1

AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2022

PERATURAN-PERATURAN ANTIGANGGUAN SEKSUAL
(TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL) 2024

DALAM TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

DI NEGERI _____

MALAYSIA

NO. ADUAN: _____

ADUAN GANGGUAN SEKSUAL

| | | |
|---|---|--|
| Nama Pengadu | : | |
| Nama Responden | : | |
| Alamat Responden | : | |
| Pekerjaan dan Alamat Pejabat Responden (jika diketahui) | : | |
| No. Telefon/No. Telefon Bimbit Responden (jika diketahui) | : | |
| Butir-butir aduan gangguan seksual: | | |

Perintah yang dikehendaki: (rujuk seksyen 20 Akta)

Saya dengan ini mengaku **ADA/ TIDAK ADA** membuat aduan mengenai perkara di atas di mana-mana platform perundangan yang lain.
Jika ada, sila nyatakan:

(METERAI)

Tandatangan/Cap ibu jari kanan dan
nama penuh Pengadu/ Sahabat wakil
atau Penjaga *ad litem*

Setiausaha/ Kakitangan Tribunal

Tarikh:

Tarikh pemfailan:

KEPADA RESPONDEN:

Anda hendaklah memfailkan pernyataan pembelaan anda dalam Borang 2 dalam tempoh empat belas hari bekerja dari tarikh penerimaan Borang ini.

(untuk rekod Tribunal bagi Antigangguan Seksual sahaja)

NO. ADUAN:

| | | |
|--|---|--|
| Nama Pengadu | : | |
| No. Kad Pengenalan Pengadu | : | |
| Alamat e-mel Pengadu | : | |
| No. Telefon/No. Telefon Bimbit Pengadu | : | |
| Alamat Pengadu | : | |
| Pekerjaan dan Alamat Pejabat Pengadu | : | |

ARAHAN KEPADA PENGADU:

1. Anda hendaklah melengkapkan butiran diri anda dalam ruang yang disediakan. Tribunal hanya akan menerima borang yang telah lengkap sahaja.
2. Anda hendaklah mengisi nama dan alamat terakhir responden yang diketahui dalam ruang yang disediakan. Maklumat pekerjaan, alamat pejabat dan nombor telefon responden hendaklah dilengkapkan, jika diketahui.
3. Anda hendaklah menyatakan butir-butir aduan perbuatan gangguan seksual yang berlaku dalam ruang yang disediakan seperti berikut:
 - a) tarikh;
 - b) masa;
 - c) tempat kejadian (negeri perlu dinyatakan);
 - d) jenis gangguan;
 - e) kekerapan gangguan; dan
 - f) maklumat lain yang berkaitan dengan perbuatan gangguan seksual yang diadukan.
4. Anda hendaklah menyatakan satu atau lebih perintah yang dikehendaki dalam ruang yang disediakan selaras dengan seksyen 20 Akta Antigangguan Seksual 2022 seperti berikut:
 - a) pernyataan permohonan maaf oleh responden kepada pengadu;
 - b) penyiaran permohonan maaf oleh responden kepada pengadu (jika perbuatan gangguan seksual dilakukan di khalayak ramai);
 - c) pembayaran pampasan atau ganti rugi oleh responden kepada pengadu tidak melebihi RM250,000.00 bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang ditanggung oleh pengadu akibat perbuatan gangguan seksual yang dialami. Nyatakan justifikasi (alasan) jumlah pampasan yang dituntut;
 - d) menghadiri apa-apa program sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal.
5. Jika ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila sambung pada kertas yang berasingan dan kepilkan bersama borang ini.

6. Setelah melengkapkan butir-butir, anda hendaklah menandatangani sendiri borang ini.

**Nota: Wakil (sahabat wakil/penjaga ad /item) hanya dibenarkan sekiranya anda belum mencapai umur 18 tahun atau tidak berkeupayaan.*

7. Setelah melengkapkan dan menandatangani borang ini dalam 4 salinan, anda hendaklah mengemukakan borang ini bersama bayaran fi sebanyak RM30.00 kepada Tribunal. Tribunal akan memeterai dan mengembalikan 2 salinan borang ini berserta resit kepada anda.
8. Anda perlu membuat serahan borang ini bersama Borang 2 kepada responden dalam masa 14 hari bekerja daripada tarikh borang ini dikembalikan kepada anda. Salinan apa-apa bukti dalam bentuk dokumen, rekod atau bahan bagi menyokong aduan anda boleh dilampirkan, jika ada. Jika salinan tersebut tidak dilampirkan bersama Borang 1, pastikan ianya diserahkan kepada responden dan difailkan di Tribunal selewat-lewatnya 7 hari bekerja sebelum tarikh pendengaran. Pemfailan kepada Tribunal boleh dibuat di kaunter atau melalui e-mel di **dokumen.tags@kpwm.gov.my**. Salinan asal hendaklah dibawa semasa hari pendengaran.
9. Anda hendaklah menyerahkan borang ini secara ke diri kepada responden atau secara pos berdaftar Akuan Terima (A.R) atau dengan cara menampal di bahagian utama premis responden.
10. Anda hendaklah membawa salinan asal bukti serahan berikut pada tarikh pendengaran yang ditetapkan:
 - a) Borang 1 yang telah diakuterima oleh responden dengan menurunkan tandatangan, nama dan nombor kad pengenalan responden, sekiranya serahan dibuat secara ke diri; atau
 - b) kad AR, sekiranya serahan dibuat secara pos berdaftar Akuan Terima (A.R); atau
 - c) gambar yang jelas menunjukkan dokumen yang ditampal dan premis responden, sekiranya serahan dibuat secara penampalan.

11. Gambar/ fotokopi/ salinan imbasan bukti serahan hendaklah diserahkan di kaunter Tribunal atau di-e-melkan ke **dokumen.tags@kpwm.gov.my** sebaik serahan dibuat.
12. Anda tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara semasa pendengaran. Walau bagaimanapun, anda boleh memohon kepada Tribunal semasa pendengaran untuk diwakili oleh seorang peguam bela dan peguam cara dengan syarat anda dapat menunjukkan bahawa perkara yang dipertikaikan melibatkan isu undang-undang yang rumit.
13. Sila bawa saksi, jika ada, semasa tarikh pendengaran untuk menyokong aduan anda.
14. Sila maklumkan kepada Tribunal sama ada anda memerlukan perkhidmatan jurubahasa isyarat atau jurubahasa asing selain Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris semasa pendengaran.

ARAHAN KEPADA RESPONDEN:

1. Apabila anda menerima borang ini yang telah ditandatangani dan dimeterai oleh Tribunal, suatu aduan gangguan seksual telah dibuat terhadap anda.
2. Jika anda mempertikaikan aduan itu, anda hendaklah memfailkan Pernyataan Pembelaan anda dalam Borang 2 di Tribunal bersama bayaran fi sebanyak RM10.00 dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh penerimaan borang ini.
3. Jika anda gagal untuk memfailkan Pernyataan Pembelaan anda dalam masa yang ditetapkan atau gagal hadir di hadapan Tribunal pada tarikh pendengaran, maka Tribunal boleh membuat perintah/award tanpa merujuk kepada anda.
4. Anda tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara semasa pendengaran. Walau bagaimanapun, anda boleh memohon kepada Tribunal semasa pendengaran untuk diwakili oleh peguam bela dan peguam cara dengan syarat anda dapat menunjukkan bahawa perkara yang dipertikaikan melibatkan isu undang-undang yang rumit.

Sebarang pertanyaan berkaitan aduan ini, sila hubungi:

Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS),

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

No. Tel : 03-8323 2279

E-mel : care.tags@kpwkm.gov.my